

Headline	Segala persiapan berjalan lancar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	12	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	337 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,779
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,338



Perdana Menteri akan lancar sambutan ulang tahun kemerdekaan malam ini

## Segala persiapan berjalan lancar

**MELAKA** – Kerajaan negeri kini sedang giat mempersiapkan lokasi bagi pelancaran sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2019 yang dijadual berlangsung malam ini di Dataran Pahlawan, Banda Hilir.

Ketua Menteri Adly Zahari berkata, persiapan majlis yang dijadual dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjalan lancar dan mendapat kerjasama serta komitmen daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk Jabatan Penerangan dan agensi kerajaan negeri.

Beliau berkata, sebanyak 25 ruang pameran disediakan sepanjang program selama tiga hari itu bagi memudahkan



ADLY

maklumat dan informasi mengenai program serta inisiatif kerajaan disalurkan kepada rakyat.

"Saya telah meninjau persiapan dan mendapatkan maklumat perjalanan program yang bakal berlangsung terutama acara kemuncak malam perasmian. Melaka telah bersedia

menjadi tuan rumah dan menjayakan acara pada kali ini.

"Pemilihan Melaka kerana sejarah negeri dan Malaysia bermula di sini dan ia amat penting dalam menerapkan semangat kemerdekaan kepada generasi



DATARAN Pahlawan di Banda Hilir yang menjadi lokasi sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2019 tahun ini.

muda terutamanya dalam era Malaysia Baharu, iaitu bukan kita melupakan sejarah tetapi Malaysia Baharu ialah kita menjiwai sejarah itu," katanya ketika

ditemui *Bernama* selepas meninjau persiapan di sini, lewat malam kelmarin.

Hadir sama, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia,

Roselindawati Abdul Rahman dan Pengarah Jabatan Penerangan Melaka, Mohd. Rizal Hashim.

Pelbagai acara menarik dirancang bermula semalam sehingga esok dengan pelbagai aktiviti termasuk program keagamaan, Konvoi Kembara Jalur Gemilang, pameran *Caring Bridge*, karnival trak makanan dan jualan *My Best Buy* oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Pagi ini, program dimulakan dengan Larian Merdeka dan senamrobik, manakala Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2019 diadakan pada sebelah malam diikuti dengan pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang, serta konsert 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' yang menampilkan persembahan artis-artis tanah air serta pertunjukan bunga api.